

5. (i) Any officer or employee of the Council duly authorised in writing by the President shall be entitled to travel, without payment of any fare for the journey, in any public service vehicle for the purpose of executing his duties under these by-laws. Obstruction etc.

(ii) No person shall obstruct, disturb or interrupt any officer or employee of the Council in the proper execution of his duties under these by-laws.

6. Any person who infringes by-law 3 or by-law 5 of these by-laws may be removed from any public service vehicle by the conductor or conductress of such public service vehicle or by any officer or employee of the Council duly authorised in writing by the President generally or in any particular case, where the infraction of the by-law is committed within the view of such conductor or conductress or officer or employee and the name and residence of the person infringing the by-law are unknown to and cannot be readily ascertained by such conductor or conductress or officer or employee. Removal from vehicle.

7. Any person who contravenes any of these by-laws shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to a term of imprisonment not exceeding six months or to both such fine and imprisonment. Penalty.

8. Nothing in these by-laws shall apply to a taxi cab. Exemption from by-laws.

Dated this 27th day of March, 1980.

DATUK HAJI MOHAMED BIN YEOP ABDUL RAOF,
President,
Municipal Council of Penang Island,
Penang

Confirmed on the 9th day of September, 1981.
[PSUK/PP/16881/Bah. 22; R- 50/8/15-1;
PU/PP/1126/Bah. 15.]

WONG HIN FATT,
Clerk of Council,
State Executive Council,
Penang

Pg. P.U. 32.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976
UNDANG-UNDANG KECIL (BALAI RAKYAT PADANG TEMBAK)
MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG, 1980

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-seksyen 102 dan 107 Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Majlis Perbandaran Pulau Pinang Undang-undang kecil yang berikut:

Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil (Balai Rakyat Padang Tembak) Majlis Perbandaran Pulau Pinang, 1980. Nama dan Pemakaian.

1. Dalam Undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"gelanggang badminton" ertinya gelanggang badminton di dalam Balai ini;

"Penjaga" ertinya seseorang yang digajikan oleh Majlis untuk menjaga Balai ini;

"Balai" ertinya Balai Rakyat Padang Tembak;

"Bilik Jawatankuasa" ertinya Bilik Jawatankuasa yang terletak di dalam Balai ini;

"Majlis" ertinya Majlis Perbandaran Pulau Pinang;

"kemudahan" ertinya dewan, bilik jawatankuasa, gelanggang badminton dan perabut yang disediakan oleh Majlis dari masa ke semasa untuk digunakan di Balai ini;

"dewan" ertinya dewan (termasuk pentas) yang terletak di dalam Balai ini;

"lesen" ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang kecil ini;

"pemegang lesen" ertinya orang yang diberi lesen di bawah Undang-undang kecil ini;

"Setiausaha" ertinya Setiausaha Majlis.

Permohonan-
permohonan.

2. (1) Sesiapa jua boleh memohon kepada Majlis bagi mendapatkan lesen untuk menggunakan mana-mana kemudahan di Balai ini.

(2) Setiap permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang tertentu yang boleh didapati daripada Setiausaha.

(3) Semua permohonan hendaklah dihantar kepada Setiausaha sekurang-kurangnya empat hari sebelum tarikh di mana kemudahan di Balai ini dikehendaki untuk digunakan.

(4) Permohonan tidak boleh dibuat lebih awal dari dua bulan sebelum tarikh di mana kemudahan di Balai ini dikehendaki untuk digunakan.

(5) Majlis boleh membenar atau enggan membenarkan sesuatu lesen tanpa memberikan sebarang sebab baginya.

Sewa.

3. Seseorang pemegang lesen hendaklah membayar kepada Majlis sewa sebagaimana yang ditetapkan di dalam Jadual di bawah ini berhubung dengan sesuatu lesen dan sewa itu hendaklah dibayar sekurang-kurangnya tiga hari sebelum tarikh di mana kemudahan di Balai ini dikehendaki untuk digunakan—

Dengan syarat bahawa Majlis boleh, di dalam keadaan yang istimewa sepertimana yang dianggapnya sesuai, mengecualikan pembayaran sewa oleh seseorang pemegang lesen.

Cengkeram
Cagaran.

4. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah juga membayar kepada Majlis bersama-sama dengan sewa, cengkeram sebagaimana yang ditetapkan di dalam Jadual di bawah ini sebagai cagaran:

Dengan syarat bahawa cengkeram itu, setelah ditolak sesuatu amaun, jika ada, yang dikehendaki untuk membaiki atau menggantikan sebarang kelengkapan, perabut ataupun harta yang lain di Balai ini yang telah rosak atau hilang di sepanjang tempoh lesen tersebut, akan dikembalikan kepada pemegang lesen apabila tamatnya lesen itu.

(2) Sekiranya cengkeram yang dimaksudkan di dalam perenggan (1) dalam Undang-undang kecil ini tidak mencukupi untuk menampung kos bagi sebarang pembaikan atau penggantian, maka, pemegang lesen hendaklah membayar kepada Majlis jumlah tambahan sebagaimana yang dikehendaki, berhubung dengannya.

5. Seseorang pemegang lesen boleh menarik balik permohonan-nya untuk mendapatkan sesuatu lesen, dengan syarat bahawa semasa menarik balik itu, ia hendaklah sanggup melepaskan (sebagai rampasan) sewa pendahuluan yang telah dibayar, jika ada, kepada Majlis di bawah Undang-undang kecil 3.

Penarikan balik oleh Pemegang Lesen.

6. Seseorang pemegang lesen tidak boleh sama ada sendirinya atau melalui pekerja-pekerja ajen-agen atau tetamu-tetamunya menimbulkan sebarang kacau ganggu atau menyebabkan pecah keamanan di Balai ini.

Kacau ganggu.

7. (1) Majlis boleh, pada bila-bila masa membatalkan sesuatu lesen jika seseorang pemegang lesen itu melanggar mana-mana Undang-undang kecil ini.

Pembatalan sekiranya melanggar Undang-undang kecil.

(2) Apabila dibatalkan dan tertakluk kepada Undang-undang kecil 4, segala wang yang telah dibayar oleh pemegang lesen kepada Majlis akan dirampas.

8. Tanpa mengira peruntukan-peruntukan Undang-undang kecil 7, Majlis boleh juga pada bila-bila masa dan tanpa memberi sebarang sebab baginya membatalkan sesuatu lesen :

Pembatalan tanpa memberikan sebarang sebab.

Dengan syarat bahawa apabila dibatalkan dan tertakluk kepada Undang-undang kecil 4, segala wang yang telah dibayar oleh pemegang lesen kepada Majlis di bawah Undang-undang kecil 3 akan dibayar balik kepada pemegang lesen.

9. Majlis tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh seseorang pemegang lesen dengan sebab pembatalan sesuatu lesen oleh Majlis.

Tanggungjawab kerana kerugian atau kerosakan.

10. Seseorang pemegang lesen boleh, dengan membuat urusan terlebih dahulu dengan Penjaga Balai ini, menggunakan perabut dan perkakas yang lain sepertimana yang disediakan oleh Majlis dari masa ke masa di Balai ini untuk digunakan oleh seseorang pemegang lesen.

Perabut dan perkakas.

11. Sesuatu lesen yang diberi di bawah Undang-undang kecil ini tidak boleh dipindah milik.

Lesen tidak boleh dipindah milik.

12. Seseorang pemegang lesen tidak boleh, tanpa memperolehi keizinan Setiausaha secara bertulis terlebih dahulu, menggunakan mana-mana bahagian Balai ini yang mana baginya lesen telah diberi untuk sebarang tujuan selain dari yang disebutkan dalam permohonannya.

Penggunaan yang lain.

13. Majlis tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecederaan atau kerosakan yang disebabkan oleh apa cara sekalipun, kepada orang atau harta pemegang lesen, pekerja-pekerja, ajen-agen atau tetamu-tetamunya atau sesiapa jua yang lain di Balai ini.

Pengecualian dari tanggungjawab.

JADUAL

Kemudahan	Kegunaan	Sewa	Cengkeram
1. Dewan (termasuk pentas)	(a) Untuk majlis sosial	(i) \$10 sejam bagi tempoh minima dua jam (ii) kadarata sebanyak \$150 bagi tempoh selama 24 jam	\$100 \$100
	(b) Untuk lain-lain tujuan	(i) \$2 sesessi dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 1.00 tengah hari pada hari-hari kerja biasa sahaja (ii) \$4 sesessi dari pukul 2.00 petang hingga 7.00 malam pada hari-hari kerja biasa sahaja	\$10 \$10
2. Gelanggan Badminton	Untuk bermain badminton	\$2.50 sejam untuk setiap gelanggang bagi tempoh minima tiga jam	\$10
3. Bilik Jawatankuasa	Untuk mesyuarat dan ceramah	\$1.50 sejam bagi tempoh minima dua jam	Tiada
4. Kerusi	Untuk digunakan di Balai ini saja	(i) Sewa tidak dikenakan sehingga bilangan maxima 100 kerusi (ii) Untuk lebih dari 100 kerusi kadarata sebanyak \$20 dikenakan	Tiada Tiada

Diperbuat 11hb Disember, 1980.

DATUK HAJI MOHAMED BIN YEOP ABDUL RAOF,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Pulau Pinang,
Pulau Pinang

Disahkan pada 9hb September, 1981.
[PSUK/PP/16881/Bah. 27; H. 367;
PU/PP/1126 Bah.]

WONG HIN FATT,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pulau Pinang